

05 MAY 1999

Ghazzali

DUTA BIDAS MEDIA AMERIKA KERANA JAHIL

Oleh: Salmy Hashim

WASHINGTON, 5 Mei (Bernama) -- Duta Malaysia ke Amerika Syarikat Datuk Ghazzali Sheikh Abdul Khalid, pada Selasa menjawab kutukan lidah pengarang Washington Post mengenai Malaysia.

Surat beliau yang disiarkan oleh akhbar itu pada Selasa, menolak dakwaan harian itu kononnya ekonomi Malaysia "merosot" dengan melampirkan angka terbaru oleh pelbagai pertubuhan dan syarikat saham yang mengunjurkan Malaysia akan mengalami pertumbuhan positif dalam beberapa tahun akan datang.

Lidah pengarang bertajuk "Mahathir's Disgrace" (Keaiban Mahathir) yang disiarkan pada 19 April, mengutuk Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan badan kehakiman Malaysia tetapi menyokong bekas Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim dan ide ekonomi liberalnya.

Akhbar itu juga meramalkan bahawa Parti Keadilan Nasional pimpinan Datin Seri Dr Wan Azizah Ismail, yang berdemonstrasi di jalan untuk membantah penahanan dan hukuman yang dijatuhkan terhadap Anwar, akan menjadi tarikan di Malaysia pada masa depan.

Dalam jawapannya, Ghazzali berkata : "Ketua arkitek bagi kemajuan dan pembangunan Malaysia selama 18 tahun adalah kerajaan yang dipimpin oleh Dr Mahathir dan ketika itu Anwar merupakan seorang daripada anggota penting dari 1982 hingga Sept 1998."

Pencapaian kerajaan Malaysia telah diiktiraf oleh banyak negara dan Malaysia adalah satu-satunya negara yang telah merumuskan pelan pemulihan ekonomi yang komprehensif.

Sesungguhnya pelan ini terbukti berkesan, kata Ghazzali.

Mengenai proses perundangan, beliau berkata : " Fakta membuktikan segala-galanya: Kes itu adalah yang paling lama dalam sejarah undang-undang Malaysia, dijalankan lebih 78 hari dengan 44 saksi dipanggil untuk memberikan keterangan oleh pihak pendakwaan dan pembelaan; Anwar diwakili sembilan peguam yang dipilihnya sendiri; perbicaraan terbuka kepada orang ramai, serta kepada pemerhati dan media asing; perbicaraan itu dilaporkan secara kata demi kata oleh media tempatan dan antarabangsa; dan penghakimannya sepanjang 394 muka surat."

Jelaslah, perbicaraan itu dijalankan mengikut proses undang-undang, dan prinsip keadilan sememangnya dipegang, kata duta itu dalam surat bertarikh 20 April yang telah disunting dengan teliti oleh Washington Post.

"Kenyataan bahawa isteri Anwar, Wan Azizah, dapat menubuhkan satu parti politik untuk mengetengahkan agenda politik beliau adalah bukti kepada semangat dan kukuh sistem demokrasi Malaysia," kata Ghazzali.

The New York Times pula memuatkan satu bahan bertajuk "Malaysia's Low Tide" yang ditulis oleh Anwar dari penjaranya yang disiarkan sehari selepas dia didapati bersalah dan dipenjarakan enam tahun kerana kesalahan rasuah menyalahgunakan kuasanya.

Anwar menggambarkan Dr Mahathir sebagai seorang "perdana menteri yang gila kuasa" berazam untuk menyekat pergerakan pembaharuan. Anwar mendakwa kononnya dia telah dijatuhkan dan dituduh sebagai seorang "agen CIA" dan "boneka Washington" agar "kejatuhan Dr Mahathir daripada berkuasa dapat disekat."

"Saya menjadi bahaya kerana sebagai Menteri Kewangan, saya tidak mahu melakukan 'urusan biasa' Dr Mahathir dan sebagai seorang ahli politik, saya mendapat banyak sokongan bagi kerja saya ke arah demokrasi dan masyarakat madani," kata Anwar dalam tulisannya itu.

Dalam jawapannya kepada tulisan itu, Ghazzali berkata artikel itu menggambarkan kekecewaan seseorang yang gagal menjadi perdana menteri akibat tindak tanduknya dan kini memilih untuk meletakkan kesalahan itu pada orang

lain.

Walaupun merendah-rendahkan badan kehakiman Malaysia, Anwar tidak teragak-agak untuk menyaman kerajaan, perdana menteri dan media Malaysia. Dan mahkamah memihak kepada Anwar dengan memberikan injunksi terhadap penyiaran sebarang kenyataan mengenai dakwaan salah laku seksualnya, kata Ghazzali.

Ramuan Anwar untuk pemulihan ekonomi yang didorong oleh Tabung Kewangan Antarabangsa memburukkan lagi kegawatan ekonomi negara, kata duta itu.

Bagaimanapun, langkah pemulihan yang dilaksanakan oleh kerajaan telah menangkis kemusnahan yang dibuat oleh Anwar dan meletakkan Malaysia kembali ke landasan pertumbuhan mapan, kata Ghazzali.

The New York Times dalam satu artikel mengenai "Bagaimana Globalisme Meruntuhkan Cerita Kejayaan Asia" menyebut bahawa Anwar telah menganggap Dr Mahathir sebagai "cetek".

"Penganalisis politik di sini berkata Dr Mahathir mencampurkan retorika populis dan anti Barat dengan pemahaman mendalam mengenai ekonomi dunia. Hinggakan pengkritik memuji beliau kerana mentadbirkan sebuah negara yang terdiri daripada pelbagai kaum iaitu Melayu, Cina dan India yang amat mudah tersentuh secara harmoni".

"Begitu juga, Anwar bukannya mangsa yang tidak berdaya. Penganalisis menggambarkan beliau sebagai ahli politik yang mahir, malahan tidak berhati perut yang tidak akan teragak-agak untuk menyerahkan sebahagian kontrak besar kerajaan bagi memantapkan asas kekuatannya. Anwar telah menggilap imejnya di luar negara menerusi rangkaian dalang ala barat," kata The New York Times.

--BERNAMA
SH RHM MAI